

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, October 20, 2019 10:04 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: CEO Kumpulan Tan Chong Holdings Berhad Kongsi Pengalaman Sebagai Ahli Perniagaan Berjaya



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

20 OKTOBER 2019 / 21 SAFAR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

CEO KUMPULAN TAN CHONG HOLDINGS BERHAD KONGSI PENGALAMAN SEBAGAI AHLI PERNIAGAAN BERJAYA



UUM ONLINE: Penerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Perniagaan Antarabangsa), Dato' (Dr.) Khor Swee Wah @ Koh Bee Leng atau turut dikenali sebagai Dato' Rosie Tan telah berkongsi pengalaman beliau sebagai ahli perniagaan berjaya pada program *Meet & Greet Dato' Rosie Tan* di Anjung Tamu, baru-baru ini.

Beliau yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Tan Chong Motor Holdings Berhad berhasrat untuk menyumbang semula kepada komuniti dan generasi milenial dengan hasil kejayaan yang dikecapinya sekarang.

Justeru, beliau telah menyediakan *booth* khas untuk sesi temuduga kepada graduan UUM yang berminat untuk menjadi warga kerja atau ingin menjalani latihan industri dalam pelbagai bidang di syarikat miliknya dan lebih 100 pelajar telah mengunjungi *booth* tersebut.

Dato' Rosie Tan yang merupakan Ahli Majlis Penasihat Universiti Industri UUM di bawah sekretariat Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) turut menyatakan hasrat untuk menyumbang dalam bidang pembangunan pendidikan terutamanya di UUM.

Pada masa yang sama, beliau telah meluangkan waktu merasmikan Eureka.

Pengarah CUIC, Prof. Madya Dr. Marlin Marissa Malek berkata, Eureka merupakan ruang rehat dan percambahan idea yang menampilkan konsep moden di CUIC.

Hadir sama, staf CUIC dan pegawai-pegawai kanan Tan Chong Holdings Berhad.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.